

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : SEMPENA LAWATAN RASMI KE RUMAH PUSPANITA  
Lokasi : KUALA LUMPUR  
Tarikh : 04-01-1997

1. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang diPertua Puspanita yang sudi menjemput saya untuk membuat lawatan rasmi ke Rumah Puspanita dan sekaligus memberi peluang kepada saya berjumpa, berkenalan dan bergambar dengan Ahli-ahli Majlis Tertinggi Puspanita.

Ini adalah satu peristiwa yang tidak akan saya lupa kerana peluang sebegini jarang-jarang sekali saya perolehi.

2. Bangunan Puspanita yang tersergam indah ini dan dibiayai oleh Kerajaan merupakan pengiktirafan Kerajaan kepada peranan dan sumbangan Puspanita kepada negara. Syabas saya ucapkan kepada pucuk pimpinan Puspanita khususnya di tahun-tahun yang lampau atas segala sumbangan yang mereka curahkan hingga mendapat pengiktirafan yang begitu istimewa.

Selain dari bangunan, Kerajaan juga telah memperuntukkan beberapa orang pegawai dan kakitangan sepenuh masa bagi membantu Puspanita. Harapan saya adalah supaya bangunan ini diselenggarakan dan ditadbir dengan baik supaya wang yang dibelanja oleh Kerajaan tidak disia-siakan dan simbul perpaduan serta kekuatan Puspanita tetap terpelihara.

3. Pada kesempatan ini saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli-ahli Majlis Tertinggi yang datang dari Kuala Lumpur dan dari negeri- negeri yang telah bertungkus lumus secara sukarela atau kadang-kadang terpaksa rela bagi menjalankan aktiviti- aktiviti samada untuk kebaikan ahli-ahli Puspanita maupun bagi menyokong dasar Kerajaan. Saya berharap aktiviti- aktiviti ini bukan sahaja dapat diteruskan, bahkan dipertingkatkan dari segi mutu dan nilainya supaya benar- benar berfaedah kepada ahli dan Kerajaan.

4. Saya sedar ini bukanlah semudah yang diungkapkan kerana ia memerlukan banyak pengorbanan dalam bentuk tenaga dan masa. Tanggungjawab ini sudah pasti akan menjadi ringan jika jumlah ahli Puspanita dapat ditambah lagi. Saya difahamkan bahawa setakat ini terdapat hanya 47,000 orang ahli berbanding dengan 800,000 suri dan pegawai wanita yang layak menjadi ahli Puspanita. (Jumlah pegawai-pegawai wanita dalam perkhidmatan awam, tidak termasuk polis dan tentera, adalah 262,743 orang). Apa yang ketara sekali ialah kurangnya keahlian suri-suri, pada hal salah satu objektif utama di sebalik penubuhan Puspanita ialah untuk mengembeling tenaga suri-suri dalam berbagai aktiviti yang secara langsung atau tidak langsung dapat meningkatkan pengetahuan, pengalaman serta kesedaran tentang peranan wanita dan dasar Kerajaan. Oleh itu suka saya mencadangkan kepada ahli-ahli Majlis Tertinggi supaya usaha menambah bilangan ahli dipergiatkan lagi, khususnya bagi menarik suri- suri ke dalam Puspanita.

5. Saya perhatikan bahawa kempen untuk menambah ahli serta menambah cawangan daerah sudah pun menjadi salah satu program kerja Rancangan 5 Tahun Ketiga Puspanita. Namun begitu saya membangkitkan perkara ini untuk menekankan bagaimana pentingnya penyertaan suri-suri dalam Puspanita sebagai persediaan kepada mereka untuk memainkan peranan kepimpinan apabila suami mereka dilantik ke jawatan yang lebih tinggi di masa hadapan. Saya tidak dapat bayangkan bagaimana seorang isteri pegawai kanan dapat memimpin persatuan wanita di Jabatan atau Kementerian suaminya jika beliau tidak pernah mengambil bahagian langsung dalam apa- apa persatuan sebelum ini.

6. Selain dari itu, dengan meningkatnya peranan negara kita dalam perdagangan antarabangsa, kerjasama Selatan- selatan, kerjasama Asia-Eropah dan segala bentuk penglibatan dalam arena politik antarabangsa, Malaysia telah menjadi tumpuan lawatan oleh rombongan-rombongan dari luar negeri.

Tidak lama lagi dengan terlaksananya projek Multi-media Supercorridor, Multi-media City dan kemudahan-kemudahan Konvensyen antarabangsa, contohnya Petronas akan membina sebuah Convention Hall yang boleh muat 10,000 orang, Malaysia akan menarik lebih banyak lagi

pelawat-pelawat luar negeri. Penglibatan isteri-isteri dan pegawai-pegawai wanita dalam program-program hospitality dan lawatan oleh pembesar- pembesar dari luar negeri dijangka akan bertambah.

Pengalaman mereka dalam aktiviti Puspanita akan menjadi satu asset yang besar apabila dikehendaki menjalankan tugas bagi menjayakan program-program lawatan dari luar negeri.

7. Kita semua pernah mendengar komen dari beberapa pegawai wanita dan suri-suri "buat apa masuk Puspanita? Wasting time saja" Biar saya jelas di sini memanglah faedah mengambil bahagian dalam Puspanita tidak nampak serta merta.

Tapi secara tidak formal, sumbangan seseorang pegawai wanita atau suri kepada Puspanita tetap diberi pertimbangan dalam pemilihan untuk kenaikan pangkat atau pemilihan ke jawatan tinggi tertentu. Kepada semua Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri, samada yang hadir di majlis ini ataupun tidak, ingin saya meminta mereka menggunakan kuasa dan pengaruh mereka untuk memastikan supaya isteri-isteri pegawai mereka turut serta dalam kegiatan Puspanita. Bagi saya target group yang patut diberi keutamaan adalah isteri- isteri pegawai dalam kumpulan pengurusan dan professional.

8. Selain dari ini, saya juga berharap supaya semua Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan dan Setiausaha Kerajaan memberi apa jua sokongan dan kemudahan kepada aktiviti Puspanita Kementerian atau jabatan masing-masing. Kerajaan telahpun mengiktiraf aktiviti Puspanita sebagai aktiviti yang digalakkan. Oleh itu berilah segala kerjasama yang dipohon oleh Puspanita.

Ahlil-ahli Majlis Tertinggi Puspanita dan para hadirin sekalian,

9. Kedudukan wanita di Malaysia sekarang ni sudah banyak berubah jika dibandingkan dengan keadaan 20 tahun yang lalu. Banyak kemajuan telah dicapai dari segi pendidikan dan penyertaan mereka dalam bidang socio-ekonomi. Namun demikian masih banyak yang perlu diperjuangkan bagi mencapai matlamat Dasar Wanita Negara, iaitu:- (a) untuk menjamin perkongsian yang saksama di antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat, di samping mendapatkan peluang dan faedah dari pembangunan; dan (b) untuk mengintegrasikan kaum wanita ke dalam semua sektor pembangunan negara selaras dengan kemampuan dan keperluan mereka bagi meningkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapus kejahilan dan buta huruf.

10. Saya percaya bahawa PUSPANITA yang secara kesleuruhan mempunyai ramai ahli yang berpendidikan tinggi dan terdedah kepada idea-idea baru dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembentukan program kerja bagi melaksanakan Dasar Wanita Negara. PUSPANITA juga mempunyai kemampuan untuk mengambil bahagian yang lebih cergas dalam forum-forum antarabangsa mengenai wanita. Saya ingin mencadangkan kepada Majlis Tertinggi supaya mengkaji kemungkinan ini.

11. Akhir sekali ingin saya menyentuh sedikit tentang pentadbiran dan pengurusan. Saya perhatikan bahawa banyak persatuan-persatuan sukarelah menghadapi masalah pengurusan.

Puspanita mestilah tentukan supaya ia tidak menghadapi masalah sedemikian. Perhatian patutlah diberi supaya pengurusan kewangan diselenggarakan dengan sempurna. Rekod- rekod keahlian dan lain-lain urusan mestilah sentiasa dikemaskini dan disimpan dengan baik. Setiap pemegang jawatan hendaklah faham akan tugas dan tanggungjawab masing- masing dan melaksanakannya dengan jujur dan penuh dedikasi.

Saya berharap pihak pengurusan Puspanita akan sentiasa mengambil ingatan tentang perhatian ini untuk menjaga imej dan nama baiknya.

12. Sekian saya sudahi dengan ucapan Selamat Tahun Baru kepada semua ahli Puspanita dengan doa semoga Puspanita memperolehi kejayaan yang lebih cemerlang lagi bagi tahun 1997 dan tahun-tahun yang akan datang.